

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

29 JANUARI 2020

.....

1. PELANTIKAN AHLI MAJLIS MBSP TAHUN 2020

MBSP mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ahli Majlis MBSP Tahun 2020. Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP Tahun 2020 telah diadakan pada 11 Januari 2020 di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP.

Seramai sembilan (9) Ahli Majlis daripada DAP, lapan (8) Ahli Majlis daripada PKR, dua (2) Ahli Majlis daripada Amanah, dua (2) Ahli Majlis daripada Pribumi Bersatu dan tiga (3) Ahli Majlis daripada NGO. MBSP akan menganjurkan Retreat 2020 dalam masa yang terdekat untuk menjelaskan hala tuju strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari yang menjadi kontrak sosial untuk dilaksanakan secara bersama.

2. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU & AHAD SEMPENA BAYARAN CUKAI TAKSIRAN SETENGAH TAHUN PERTAMA 2020

Dimaklumkan bahawa perkhidmatan Kaunter Berpusat MBSP dibuka pada hari Sabtu & Ahad sempena bayaran Cukai Taksiran

Setengah Tahun Pertama 2020 sepanjang bulan Februari 2020 **kecuali** pada **8 Februari 2020 (Sabtu)** Perkhidmatan Kaunter Berpusat MBSP akan **ditutup sempena** cuti Sambutan **Hari Thaipusam**. Waktu operasi bermula jam 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Pembukaan perkhidmatan kaunter bayaran ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan bagi membuat bayaran cukai taksiran Setengah Tahun Pertama 2020.

Kaunter Berpusat juga akan **melanjutkan** hari operasi pada **29 Februari 2020 (Sabtu)** bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang. Selain daripada itu, bayaran turut boleh dilakukan secara atas talian (online) di laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>, kiosk dan perbankan internet. Pembayaran secara atas talian secara tak langsung menyokong menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022.

3. PROGRAM TEMASYA BAGAN FEBRUARI 2020

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Zart Eventive akan meneruskan penganjuran Program Temasya Bagan bagi tahun 2020 di Lorong Bagan Luar 1, Butterworth pada 1 Februari 2020 (Sabtu). Temasya Bagan kali ini bertemakan Gong Xi Fa Cai sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina, program bermula jam 4.00 petang sehingga 11.00 malam.

Program ini berbentuk *education, awareness* dan berkonsepkan *Local Economic Development (LED)* dimeriahkan dengan pelbagai pengisian menarik seperti Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Origami, Persembahan *Lion Dance, Soopa Doopa*, aktiviti memanah, persembahan *Live Band* serta pameran pelbagai agensi. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program Temasya Bagan Gong Xi Fa Cai ini.

4. CORONAVIRUS DAN LANGKAH MBSP UNTUK MENGAWAL PENULARAN VIRUS TERSEBUT

Baru-baru ini digemparkan dengan berita *Coronavirus* dan sebagai langkah berjaga-jaga MBSP menyediakan *hand sanitizer & hand wash* yang ditempatkan di dalam bangunan Majlis di lokasi strategik dan tumpuan umum.

Selain itu, MBSP turut membekalkan *3ply mask* kepada kakitangan MBSP sebagai perlindungan terutamanya yang bertugas barisan hadapan dan berurusan dengan orang awam.

MBSP turut membuat penghebahan dan pemberitahuan kepada kakitangan MBSP penduduk Seberang Perai melalui hebahan di laman web MBSP, LED Board Majlis, intranet dan papan kenyataan MBSP berkaitan Tatacara Penjagaan Kesihatan dan Aspek Kawalan yang boleh diambil. MBSP juga akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan dan lain-lain agensi sekiranya diperlukan.

5. PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa, Permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadhan** akan dibuka mulai **1 Februari 2020** dan tarikh tutup permohonan pada **29 Februari 2020**. Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai **1 Februari 2020** di;

- i. Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda;
- ii. Kaunter MBSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan; dan
- iii. Laman sesawang MBSP di
www.mbsp.gov.my/pelesenan/borang

Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon pada 16 Mac 2020 dan taklimat kepada penganjur dijadualkan pada 24 Mac 2020.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MBSP ditalian no. 04-5497847 / 04-5497679.

6. PROGRAM MBSP MESRA PELANGGAN

Dimaklumkan pada 09 Februari 2020, MBSP akan menganjurkan Program MBSP Mesra Pelanggan Siri 1/2020 dengan tema ***Anda Perlu Kami Bantu***. Program ini melibatkan pasukan khas yang terdiri daripada pelbagai jabatan bagi memberi fokus kepada isu pelesenan, binaan tanpa kebenaran, tempat letak kereta serta isu - isu perbandaran. Pemberian permit sementara dan lesen

perniagaan ini adalah bagi membantu peniaga di Seberang Perai terutamanya golongan B40.

7. PERTANDINGAN REKABENTUK MERCU TANDA PINTU MASUK “SELAMAT DATANG KE SEBERANG PERAI”

Dimaklumkan Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Pertandingan Mercu Tanda Pintu Masuk Di Seberang Perai pada 4 Disember 2019 dan berakhir pada 31 Disember 2019. Sebanyak 10 penyertaan telah diterima pada tarikh tutup pertandingan. Pada 20 Januari 2020 telah diadakan sesi penjurian dan keputusan pertandingan telah dipersetujui dan diperolehi.

8. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada penduduk Seberang Perai yang beragama Hindu dan diharapkan kemeriahan ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Hari Thaipusam disambut pada 8 Februari 2020 (Sabtu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

SEKIAN, TERIMA KASIH

LAMPIRAN

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

BIL.	NAMA	BADAN DIWAKILI
1	Encik Chee Yeeh Keen	DAP
2	Encik Cheen Goon Hooi (Bernard)	DAP
3	Encik David Marshel a/l Pakianathan	DAP
4	Puan Heng Yeh Shuan	DAP
5	Encik Jason Raj a/l Kirupanantha	DAP
6	Encik Khong Chee Seong	DAP
7	Encik Ooi Yong Wooi	DAP
8	Encik Tan Chee Teong	DAP
9	Encik Tan Cheong Heng (Michael)	DAP
10	Puan Shuhada binti Abdul Rahim	PKR
11	Encik Ong Jing Cheng	PKR
12	Encik Anuar bin Yussoff	PKR
13	Dr Seow Kweng Tian	PKR
14	Encik Zainuddin bin Mohamed	PKR
15	Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid	PKR
16	Encik Galaimani A/L Subramnian	PKR
17	Encik Fahmi bin Zainol	PKR
18	Encik Mohd Saifullah bin Abd Nasir	Amanah
19	Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad	Amanah
20	Encik Aziss bin Zainal Abidin	PribumiBersatu
21	Puan Marshidaliza binti Marzuki	PribumiBersatu
22	Puan Siti Shahanis binti Md Sharif	NGO - Persatuan Komuniti Harapan Pulau Pinang
23	Encik Tan Choo Eng	NGO – Penang Forum
24	Encik Wong Chee Keet	NGO – Penang Chinese Chamber of Commerce (PCCC)